

D439

R B965 DEB
MAHATHIR - IKHTIAR

KUALA LUMPUR, 26 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA MENGUTAMAKAN UNSUR IKHTIAR DAN MENJAUHI SIFAT-SIFAT SEPERTI KURANG BERUSAHA DAN MENGHARAPKAN BELAS KASIHAN ORANG LAIN.

+UMAT ISLAM DILARANG MENYERAH SEGALA-GALANYA KE HADRAT ILAHI, SEBALIKNYA MESTI BERIKHTIAR BAGI MENJAYAKAN APA JUGA PROJEK ATAU AKTIVITI,+ KATA PERDANA MENTERI SEMASA BERUCAP DALAM SATU PERHIMPUNAN KIRA-KIRA 2,000 ORANG SEMPENA SAMBUTAN MA'AL HIJRAH DI PUSAT ISLAM DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA PENGHIJRAHAN NABI MUHAMMAD DARI MEKAH KE MADINAH MERUPAKAN SATU IKHTIAR UNTUK MENGEMBANGKAN ISLAM SERTA MENGUATKAN UMATNYA.

NASIB UMAT ISLAM TIDAK AKAN BERUBAH JIKA MEREKA SENDIRI TIDAK MAHU MENGUBAHKANNYA, TAMBAH BELIAU.

MEREKA DIKEHENDAKI BERIKHTIAR DENGAN MENGGUNAKAN ILMU PENGETAHUAN UNTUK MEMPERKENALKAN APA-APA PEMBAHARUAN WALAUPUN SECARA KECIL-KECILAN, BAGI MEMUDAHKAN MEREKA MENJALANKAN KEGIATAN HIDUP. -- LAGI

1121MST 26 08 87

D446

R B969 DEB
MAHATHIR - IKHTIAR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DALAM MENGHADAPI MASALAH PENGANGGURAN, UMPAMANYA, GOLONGAN MUDA HARUSLAH SEDIA MENERJAKAN TANAH TERBIAR MENERUSI KEGIATAN PERTANIAN DAN INDUSTRI KECIL.

+KITA TIDAK SEHARUSNYA MENYALAHKAN TAKDIR SEKIRANYA GAGAL KERANA JIKA KITA BERIKHTIAR DAN MENCAPAI KEJAYAAN, ITU JUGA TAKDIR,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SEDANG BERUSAHA KE ARAH MENCONTOHI PERJUANGAN NABI MUHAMMAD S.A.W. BAGI MEMBETUL DAN MEMPERKUATKAN AKIDAH, MEMPERBAIKI DAN MENINGKATKAN EKONOMI, MEMAJU DAN MENINGKATKAN ILMU PENGETAHUAN SERTA MEMBENTUK DAN MEMELIHARA KERAJAAN ISLAM.

+JIKA KERAJAAN MENYERU DAN MENGAMALKAN SIFAT-SIFAT BERJIMAT CERMAT, SEBABNYA IALAH KERANA KERAJAAN MENERIMA HAKIKAT KEMELESETAN DAN PERLUNYA KITA MENGUBAH STRATEGI UNTUK KEJAYAAN PADA MASA AKAN DATANG,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH BAHAWA HIJRAH MEMBERI PENGAJARAN YANG PENTING KEPADA UMAT ISLAM. -- LAGI

1144MST 26 08 87

D448

R B970 DEB
MAHATHIR - IKHTIAR 3 KUALA LUMPUR

OLEH KERANA HIJRAH BERERTI BERPINDAH, MAKA UMAT ISLAM HENDAKLAH +MENGUBAH SIKAP+ DARIPADA YANG KURANG BAIK DAN TIDAK MENGUNTUNGAN KEPADA SIKAP YANG LEBIH BERFAEDAH, WALAUPUN TERPAKSA BERDEPAN DENGAN BERBAGAI-BAGAI CABARAN, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA HIJRAH JUGA BOLEH DIERTIKAN SEBAGAI +KELUAR+ DARIPADA SESUATU KEDUDUKAN ATAU KEADAAN YANG BURUK ATAU TERTEKAN KEPADA KEADAAN YANG LEBIH SELESA DAN TERJAMIN.

SAMBIL MENYEBUT ZAMAN KEMELESETAN INI SEBAGAI CONTOH, BELIAU BERKATA JIKA UMAT ISLAM LEMAH, MEREKA HARUS Mencari JALAN MENGUATKAN DIRI.

+KITA TIDAK HARUS PULA ANGKUH DENGAN TARAF KITA SEHINGGA KITA TIDAK SANGGUP MEMBUAT SESUATU YANG DIANGGAP RENDAH, PADAHAL PERBUATAN ITU BOLEH MENOLONG KITA APABILA KEADAAN BERUBAH,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN SAMBUTAN MA'AL HIJRAH AKAN MENJADI SATU DARIPADA CARA MENGEMBANGKAN AJARAN DAN NILAI HIDUP ISLAM. -- LAGI

1154MST 26 08 87

D462

R B975 DEB
MAHATHIR - IKHTIAR 4 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR YUSOF NOOR BERHARAP RAKYAT MENJADIKAN SAMBUTAN MA'AL HIJRAH SEBAGAI TITIK-TOLAK YANG SANGAT PENTING DALAM USAHA MEMBINA MASYARAKAT MALAYSIA YANG MAJU, MASYARAKAT YANG TIDAK DIPENGARUHI OLEH EMOSI DAN MIMPI-MIMPI KOSONG.

+MUDAH-MUDAHAN UMAT ISLAM KHASNYA DAN RAKYAT MALAYSIA UMUMNYA AKAN TERUS BERHIJRAH MENINGGALKAN SEGALA YANG LEMAH, BERHIJRAH MENINGGALKAN DADAH, BERHIJRAH KE ARAH MEMBINA MARUAH, BERHIJRAH MENUJU ZAMAN YANG GAGAH DAN CERAH,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MENYERU UMAT ISLAM TERUS BERGERAK MENUJU KECEMERLANGAN MENERUSI USAHA REFORMASI YANG BERTERASKAN KEBIJAKSANAAN DAN KESEDERHANAAN YANG PADU DAN KUKUH TANPA GENTAR DAN TAKUT. -- BERNAMA

1224MST 26 08 87

D442